

Jenis Akhbar : Sinar Harian  
Tarikh : 18/04/2019  
Edisi / Muka Surat : Nasional / 35  
Tajuk : Bergabung bentuk konsortium

# Bergabung bentuk konsortium

SINAR 18/4/2019 MS 35

**Angkasa saran koperasi kecil bekerjasama rebut peluang projek mega**

ROSILAWATI ROSEDI

TEMERLOH

**A**ngkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) mencadangkan koperasi kecil di negara bergabung membentuk konsortium.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, penubuhan konsortium itu membolehkan gabungan koperasi itu merebut peluang dalam pelbagai projek berskala besar negara termasuk projek mega.

Menurutnya, antara peluang yang perlu diambil ialah pembinaan laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang

sudah dimuktamadkan akan disambung semula.

"Gabungan ini bukan sahaja membabitkan keahlian malah perkongsian modal, kepakaran dan pengalaman masing-masing.

"Melalui gabungan yang ada, koperasi dapat meningkatkan keyakinan terutama institusi kewangan bagi mendapatkan pinjaman.

"Ini satu peluang yang tidak boleh dilepaskan berikutan keputusan kerajaan menyambung kembali beberapa projek laluan di beberapa negeri itu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Persidangan Angkasa Pahang Zon Dua di Dewan Tun Razak, semalam.

Seramai 300 perwakilan dari daerah Temerloh, Bera, Jerantut dan Maran hadir pada persidangan tersebut.

Sebelum ini, Angkasa menggesa kerajaan mem-

info

**Gabungan memudahkan perkongsian modal, kepakaran dan pengalaman**

buka peluang kepada kontraktor di bawah koperasi memperoleh kontrak daripada ECRL ketika majlis penyerahan Sudut Laman Angkasa kepada Koperasi Maktar Rendah Sains Mara (MRSM) Tun Abdul Razak Berhad.



Abdul Fattah (kanan) bersalaman dengan perwakilan Persidangan Angkasa Pahang Zon Dua di Dewan Tun Razak, semalam.



Sebahagian perwakilan yang hadir pada Persidangan Angkasa Pahang Zon Dua di Dewan Tun Abdul Razak, semalam.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA